



MAKTAB RENDAH SAINS MARA TRANSKRIAN
14300 NIBONG TEBAL
SEBERANG PERAI SELATAN
PULAU PINANG

Tel: Pej. Am : 04-5941877
Terus : 04-5941889
Faks : 04-5941876

Laman Web: <http://mrsmtkrian.edu.my>
Emel : sysadmin@mrsmtkrian.edu.my

Kepada;
Semua Waris / Penjaga Pelajar
MRSM Transkrian.

Rujuk Kami:
Rujuk Tuan:
Tarikh: 24 NOVEMBER 2017

Assalamualaikum w.b.t. dan Selamat Sejahtera

Tuan / Puan,

TARIKH MELAPOR DIRI SEMESTER I 2018 SERTA PESANAN DAN MAKLUMAN KEPADA WARIS PELAJAR

Perkara di atas dengan segala hormatnya dirujuk.

2. Sila ambil perhatian bahawa tarikh pulang ke maktab anak tuan / puan adalah pada hari Isnin 1 Januari 2018 manakala pendaftaran pada pagi hari Selasa 2 Januari 2018. Minggu Reorientasi akan diadakan bermula pada petang 2 Januari 2018 hingga Jumaat 5 Januari 2018.


3. Pihak kami juga memohon kerjasama daripada pihak waris / penjaga pelajar untuk memberi perhatian dan tindakan kepada perkara-perkara berikut sebelum anak atau jagaan tuan / puan kembali ke maktab pada awal tahun depan:

BIL	PERKARA	PESANAN DAN MAKLUMAN
1	Keperluan asrama	Pastikan keperluan asrama mencukupi dan mengikut peraturan. Pastikan anak tuan menjaga peralatan sendiri. Pastikan saiz pakaian dan warna pakaian seragam sekolah dan lain-lain adalah mengikut peraturan maktab. Pelajar wajib memiliki dua set cadar dan sarung bantal. Satu set adalah seragam manakala satu set lagi adalah pilihan pelajar (mengikut aras / blok). Sila tanya hal ini kepada anak untuk tindakan sewajarnya.
2	Barang-barang larangan	Sila pastikan barang-barang larangan tidak dibawa masuk seperti barang berbahaya, alat elektrik seperti pemanas air, barang kemas, telefon pintar dan seumpamanya. Periksa beg anak sebelum masuk ke asrama.
3	Jadual dan masa lawatan / outing	Sila patuhi jadual lawatan / outing. Sabtu : 2.00 – 6.00 petang Ahad : 10.30 – 6.00 petang Sila ambil perhatian bahawa waris tidak dibenarkan masuk sebelum waktu yang dibenarkan. Peraturan outing tidak membenarkan waris membawa pulang ke rumah dan/atau pulang bermalam. Waris juga tidak dibenarkan masuk ke dalam asrama serta tidak dibenarkan menghantar atau mengirimitkan makanan mahupun wang kepada anak melalui pengawal keselamatan.
4	Pulang bermalam (PB)	Sila patuhi jadual pulang bermalam sama ada wajib atau pilihan. Mulai tahun 2018, pulang bermalam dibenarkan dua kali setiap bulan. PB wajib tidak perlu hantar borang. Untuk PB Pilihan, sila pastikan borang diisi oleh tuan sendiri dan jika hantar menggunakan faks, sila faks ke Koperasi MRSM 04 593 3469. Permohonan PB di luar jadual hendaklah mendapat kelulusan daripada pengetua terlebih dahulu. Sila hubungi pejabat MRSM untuk mengesahkan sama ada permohonan telah diluluskan atau tidak.

BIL	PERKARA	PESANAN DAN MAKLUMAN
5	Tidak pulang ke maktab pada tarikh yang ditetapkan.	Waris diminta menghubungi pihak maktab untuk memaklumkan sebab menghantar anak lewat dan mohon agar disertakan surat yang dikirim melalui pelajar kemudiannya. Pulang lewat walaupun sehari tanpa sebab bererti ponteng sekolah dan boleh dikenakan tindakan disiplin di bawah kategori berat.
6	Bayaran yuran	Sila bayar mengikut jadual. Ada yuran yang perlu dibayar secara bulanan dan secara tahunan. Jika anak tuan yang membuat bayaran, pastikan resit diserahkan kepada tuan sebagai bukti pembayaran.
7	Wang semasa	Pelajar hanya dibenarkan memegang wang sebanyak RM20.00 sahaja. Selebihnya hendaklah disimpan di bank ataupun disimpan oleh guru penasihat homeroom.
8	Penasihat Homeroom	Mohon tuan dapat sentiasa menghubungi penasihat homeroom untuk mengetahui perkembangan pelajaran dan sahsiah anak tuan. Sekiranya boleh, sertailah <i>Whatsapp group</i> homeroom supaya hubungan dengan penasihat homeroom dan ibu bapa ahli-ahli homeroom yang lain dapat dijalinan selain dapat mengetahui maklumat terkini yang berkaitan dengan homeroom.
9	Penampilan diri semasa melapor diri pada awal semester	Mohon tuan pastikan anak sentiasa menunjukkan penampilan diri yang menarik dengan menjaga kekemasan diri serta bersih. Pastikan kuku dan rambut pendek serta sentiasa memakai pakaian yang bergosok.

Segala kerjasama tuan / puan amatlah diharapkan dan diucapkan ribuan terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"MEMBANDARKAN LUAR BANDAR"



(MD. ABRAR BIN BUJANG)
Timbalan Pengetua (Pembangunan Pelajar),
b.p. Pengetua,
Maktab Rendah Sains MARA Transkrian,
Pulau Pinang.